

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 May 2015



SINGAPURA 5 Mei - Datuk Seri Najib menyifatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura yang memasuki setengah abad kini adalah yang paling baik dalam sejarah negara.

Perdana Menteri berkata, hubungan yang erat dan akrab itu memberi manfaat ekonomi dan keselamatan kepada rakyat kedua-dua negara.

"Perkara itu juga harus menjadi keutamaan bagi pemimpin kedua-dua negara dengan kepentingan rakyat mengatasi segala-galanya," katanya pada majlis makan malam bersama Persatuan Ekonomi Singapura (ESS), di sini malam ini.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong dan isteri, Ho Ching.

Najib berada di Singapura sempena sesi Pemukiman Pemimpin-pemimpin Malaysia-Singapura Ke-6 selama dua hari yang berakhir hari ini dan disertai beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Najib berkata, antara contoh terbaik adalah penyelesaian tentang Perjanjian Bersama (POA) pada 2010 selepas 20 tahun tertangguh apabila pemimpin kedua-dua negara memilih untuk menanganinya atas semangat persahabatan dan kepentingan bersama serta mengetepikan halangan antara kedua-dua negara.

Bagaimanapun, beliau mengakui menghadapi cabaran dalam

menangam perbezaan yang wujud antara rakyat kedua-dua negara seperti kata pepatah Melayu 'sedangkan lidah lagi tergigit', namun Kuala Lumpur dan Singapura perlu bekerjasama untuk mencari jalan penyelesaian terbaik.

Dalam ucapan beliau bertajuk **Malaysia-Singapura: Hubungan yang Érat**, Najib berkata, hubungan kedua-dua negara amat panjang dan mendalam kerana bukan sahaja sebagai negara berjiran, malah mempunyai hubungan sejarah serta jalinan antara rakyat juga begitu erat.

"Malah, Menteri Kanan Singapura, Encik Goh Chok Tong semalam semasa kami makan tengah hari beritahu saya, beliau pernah tinggal di Temerloh, Pahang semasa berumur empat tahun apabila ibu bapa beliau berpindah dari Singapura semasa zaman Jepun.

"Ramai lagi rakyat Malaysia dan Singapura yang mempunyai cerita dan pengalaman tinggal atau berkunjung ke kedua-dua negara. Malah, ramai antara mereka yang mempunyai keluarga dan saudara mara di kedua-dua negara," katanya sambil berharap keakraban itu akan terus berkekalan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut mengalu-alukan usaha dan kerjasama Singapura mendepani ancaman kumpulan militan Negara Islam (IS) kerana tugas memerangi keganasan bukan sahaja di negara-negara Asia Barat, malah di rantau ini termasuk Malaysia dan Singapura. - UTUSAN